

KUTKM tubuh pusat pembuatan termaju

Archival News | Utusan Malaysia | 30/01/2006

MELAKA 29 Jan. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menubuhkan Pusat Pembuatan Termaju (AMC) bertujuan untuk menjalankan aktiviti pembuatan komponen dan produk serta memberi kemudahan latihan industri.

Rektor KUTKM, Profesor Datuk Ismail Hassan berkata, AMC yang mula beroperasi tahun ini selepas pembangunannya dijalankan secara berperingkat-peringkat dijangka akan menyumbang kepada pendapatan kepada pihak universiti.

"Pejabat AMC akan dikelaskan di kampus industri sementara pejabat lain akan berpindah ke kampus induk," katanya dalam perutusan tahun baru kepada kakitangan KUTKM di sini.

Mengenai bidang teras (niche area), beliau berkata, KUTKM akan memberi tumpuan dalam bidang pembuatan termaju yang merangkumi segala program yang menjadi sokongan kepada bidang itu termasuklah kejuruteraan elektrik, elektronik, komputer, mekanikal, pembuatan dan teknologi maklumat.

Sejajar dengan itu, katanya, segala program akademik, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan sumber manusia hendaklah menyokong usaha ke arah mencapai kecemerlangan dalam bidang teras yang dipilih itu.

Mengenai pembangunan kampus pula, beliau berkata, pembangunan fasa 1 dan 2a yang merangkumi kerja tanah dan berkaitan infrastruktur, bangunan fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan kafeteria pelajar telah siap.

"Dengan adanya pelajar dua fakulti seramai 1,726 orang, universiti telah menyediakan kafeteria, perpustakaan dan sistem rangkaian komputer yang bersesuaian selain Pusat Perkhidmatan Pelajar untuk memberi perkhidmatan kaunter kepada pelajar merangkumi semua urusan," ujarnya.

Ismail berkata, tahun ini pembangunan kampus induk KUTKM diteruskan untuk fasa 2b yang telah pun bermula pada tahun 2005 dan akan diteruskan pada tahun 2006 merangkumi bangunan pentadbiran utama, stadium sukan, gelanggang dan padang permainan.

"Baki pembangunan kampus induk akan dibina menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 yang mana pihak universiti telah membuat permohonan sebanyak lebih RM560 juta, termasuk peruntukan untuk peralatan," jelasnya.

Mengenai kampus bandar kata beliau, KUTKM telah lama mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk memiliki kampus

bandar iaitu di bangunan Kompleks Yayasan Melaka di Jalan Hang Tuah.

Bagaimanapun sehingga kini kata beliau, ia masih belum dapat dibuka kerana menunggu mesyuarat rundingan harga antara Kementerian Pengajian Tinggi serta KUTKM dan Yayasan Melaka yang dijangka akan diadakan dalam masa terdekat.

"Mengikut perancangan yang telah dibuat jika persetujuan dicapai, kampus bandar akan menempatkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) serta Pusat Universiti Industri, Penerbit Universiti, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran dan Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi," katanya.

Beliau menambah, selaras dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi, universiti akan menubuhkan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) pada tahun ini dengan pejabat pusat ini akan beroperasi di kampus bandar.

(Source : Utusan Malaysia)